



ESTATES

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MoU)
ESPEK SDN. BHD. DAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**HOTEL SERI PACIFIC,
KUALA LUMPUR**

**6 MAC 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 4.30 PETANG**

Salutasi

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

YBhg. Dato' Azizan Bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar KKLW

YBhg. Dato' Dr. Ahamd Jailani Bin Muhamed Yunus
Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan KKLW

YBhg. Dato' Seri Elena Chiang Binti Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Dan Keusahawanan Desa KKLW

YB Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin
Pengerusi Risda

YB Senator Dato' Haji Mohd Salim Bin Sharif
Pengerusi Espek

YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran
Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi)

YBhg. Dato' Zamri Bin Yaakob
Ahli Pihak Berkuasa Risda

YBhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin Bin Wan Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Risda

YBhg. Tn. Hj. Mohd Ihwan Bin Sudim
Timbalan Ketua Pengarah
Pengurusan & Korporat Risda

Yang Berusaha Tn. Hj. Abd. Aziz Bin Hj. Jaafar
Ketua Pegawai Eksekutif Espek

Yang Berusaha En. Mohd Faizi Bin Othman
Pendaftar Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi)

Ahli Lembaga Pengarah / Pengarah-Pengarah Bahagian / Ketua-Ketua
Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan Risda

Rakan-rakan media

Dif-dif jemputan, pegawai dan kakitangan espek serta upsi, seterusnya para jemputan yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera, salam kasih sayang dan salam sehati sejiwa.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd. (ESPEK) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih atas jemputan untuk saya menyaksikan MoU ini dan juga syabas kepada ESPEK kerana telah berjaya merangka satu lagi fasa pembangunan dengan kerjasama institut pendidikan awam ternama di Malaysia UPSI.

2. Sekalung penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana bersedia untuk mengukuhkan lagi hubungan melalui MOU ini yang merangkumi kerjasama dalam pelancongan pendidikan, latihan dan perundingan. Saya percaya dengan kepakaran yang ada pada kedua – dua pihak, misi merealisasikan hala tuju negara ke arah rakyat berpendapatan tinggi dengan menawarkan peluang pekerjaan baru dan seterusnya hasrat Transformasi Nasional 2050 (TN - 50) berjaya dilaksanakan.

Hadirin sekalian,

3. ESPEK Sdn.Bhd. adalah sebuah syarikat milik penuh RISDA yang ditubuhkan bertujuan mengurus ladang-ladang RISDA yang telah dibangunkan di bawah program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) dan mengurus kilang - kilang RISDA. Seperti sedia maklum, ESPEK merupakan sebuah syarikat yang paling berjaya. Pada tahun 2016 sahaja ESPEK berjaya mencapai keuntungan akaun ladang sebanyak RM127 juta melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM 90 juta. ESPEK turut menjalankan perniagaan hiliran yang lain seperti memproses bahan bio-organik dari sisa kilang, pengurusan Akademi ESPEK sebagai tempat berkursus. Selain dari itu, pengeluaran pellet tenaga dari buah tandan kosong kelapa sawit juga telah dilaksanakan di Kilang Sawit RISDA Durian Mas. Kini, yang paling terbaru adalah *ecotourism* ESPEK di Ladang RISDA Ulu Slim. Justeru, saya melihat pelaksanaan MoU ini merupakan usaha terbaik kearah mempelbagai aktiviti urusniaga bagi memenuhi kehendak industri selain melahirkan sumber manusia mahir dalam pelbagai disiplin ilmu seterusnya menyumbang untuk manfaat warga luar Bandar.

4. Produk pelancongan berkonsepkan edu-pelancongan atau *ecotourism*, sememangnya berpotensi tinggi untuk dikembangkan memandangkan keindahan alam semulajadi yang luas dan terpelihara serta amat sesuai untuk aktiviti riadah di Negara kita. Konsep pelancongan menggabungkan rekreasi dan pendidikan merupakan aktiviti yang amat popular di luar Negara yang dikenali sebagai *summer*

camp atau *team building* yang menjadi program musim cuti bertujuan membentuk keperibadian.

5. Sehubungan dengan berkembangnya *trend* pelancongan seperti ini, secara tidak langsung ia turut meningkatkan permintaan terhadap lokasi dan infrastruktur bersesuaian bagi memenuhi keperluan pelancong. Saya percaya industri ini amat berpotensi kepada ESPEK dan UPSI untuk memanfaatkan pelancongan di luar bandar dengan fokus terhadap aktiviti riadah eko-pelancongan seperti penerokaan hutan, bukit, sungai, air terjun, serta pembelajaran berkenaan flora dan fauna. Justeru itu, saya melihat pelaksanaan MoU ini merupakan usaha terbaik untuk menggalakkan aktiviti edu pelancongan dan ESPEK berjaya mempromosikan kemudahan *ecotourism* sebagai "*training resort*".

6. Semoga majlis pada hari ini akan menjadi penanda aras baharu kepada kedua belah pihak untuk terus bekerjasama dalam memacu peningkatan prestasi serta meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ESPEK dan UPSI dalam menjayakan Majlis Memorandum Perjanjian Persefahaman pada hari ini. Semoga kerjasama ini akan merancakkan lagi pendekatan *National Blue Ocean Strategic* (NBOS) yang digalakan oleh kerajaan serta memberi kesan positif kepada masyarakat luar Bandar.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Terima kasih.